

USAHA MENANGANI ANCAMAN KOMUNIS

Perang Saraf

MELAKUKAN LAWATAN

Templer melakukan 122 lawatan ke sekolah, kampung, hospital, dispensari, bilik operasi, pondok polis, unit pasukan keselamatan, barisan buruh, lombong, estet dan bersedia menerima perwakilan. Lawatan mengambil masa dua hari hingga tiga hari dengan diiringi oleh isteri. Beliau melakukan 20 lawatan ke Kampung Baru dan Kampung Melayu. Isteri beliau menubuhkan cawangan Palang Merah, Pandu Puteri dan pusat komuniti. Templer mendampingi rakyat untuk mengetahui masalah dan pandangan mereka.



MELONGGARKAN SYARAT KEWARGANEGARAAN

Bagi menarik sokongan kaum bukan Melayu. Pada 14 September 1952, sebanyak lebih kurang 1.2 juta orang Cina dan 18,000 orang India layak menjadi warganegara. Langkah penting untuk mewujudkan bangsa bersatu.

MENGADAKAN PILIHAN RAYA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LUMPUR

Merupakan pilihan raya tempatan pertama. Bertujuan untuk menggalakkan penyertaan orang bukan Melayu dalam politik dan mendapatkan sokongan menentang komunis.

MENAWARKAN HADIAH WANG TUNAI

Menaikkan jumlah hadiah yang ditawarkan untuk menangkap atau memberikan maklumat tentang gerila komunis. Contohnya, menangkap Chin Peng sama ada hidup atau mati ditawarkan hadiah sebanyak \$250,000



MEMENANGI KEPERCAYAAN ORANG ASLI

Supaya menyokong kerajaan menghapuskan komunis. Mendirikan 14 kubu untuk mendapatkan sokongan Orang Asli. Kubu itu menyediakan kemudahan barangan keperluan harian, perubatan, pendidikan dan perlindungan.

MEMPERKENALKAN KAWASAN HITAM DAN KAWASAN PUTIH

Kawasan hitam ialah kawasan yang terdapat kegiatan komunis yang aktif dan dikenakan perintah berkurung. Kawasan putih ialah kawasan yang diisytiharkan bebas daripada ancaman komunis. Pada tahun 1954, Templer mengisytiharkan Melaka, Terengganu, Kedah, Perlis dan Negeri Sembilan sebagai kawasan putih.

MEMAJUKAN PERKHIDMATAN PENERANGAN

Bagi memenangi sokongan penduduk tempatan. Jabatan Penerangan dan Perkhidmatan Radio Malaya dijadikan medium untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat agar menyokong kerajaan membanteras komunis. Bertanggungjawab menyebarkan risalah antikomunis kepada penduduk dan risalah kerajaan kepada komunis di dalam hutan.